

**NO. SOALAN: 409**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN HAJI KHALID BIN ABDUL SAMAD**

**RUJUKAN : 9457**

**SOALAN:**

**Tuan Haji Khalid bin Abdul Samad [ Shah Alam ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan perkembangan penyiasatan mengenai penemuan kubur dan kem penyeludupan manusia sepanjang sempadan Thailand-Malaysia pada Mei 2015.**

## **JAWAPAN:**

**Pada 11 Mei 2015, pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah melancarkan Op Wawasan dengan menggerakkan Pasukan VAT 69 dan anggota PGA bagi mengesan khemah dan kubur sebagaimana yang dijumpai oleh pihak Thailand. Hasil operasi ini, PDRM telah menemui 6 lokasi khemah dan struktur yang dipercayai kubur berjumlah 139 kesemuanya. Penemuan khemah-khemah sementara oleh sindiket-sindiket di sempadan Malaysia-Thailand merupakan tempat yang diistilahkan sebagai "Safe Haven" untuk memindahkan sementara pendatang-pendatang apabila Pihak Berkuasa Thailand membuat operasi di kawasan berkenaan dan setelah keadaan reda, pendatang berkenaan akan dipindahkan semula ke penempatan kekal di Thailand.**

**Pada 9 Mei 2016, seramai 4 orang suspek yang terdiri daripada seorang (1) warganegara Bangladesh, dua (2) orang warganegara Myanmar dan seorang (1) warganegara Thailand telah dituduh di Mahkamah Tinggi Kangar, Perlis di bawah Seksyen 26A ATIPSOM (*Anti Trafficking In Person and Anti Smuggling of Migrants*). Tertuduh warganegara Bangladesh telah mengaku bersalah dan dihukum 10 tahun penjara. Kedua-dua tertuduh warganegara Myanmar telah dihukum penjara 3 tahun dan seorang lagi tertuduh iaitu warganegara Thailand masih di peringkat perbicaraan dan tarikh perbicaraan selanjutnya ditetapkan pada 15-16 Disember 2016.**

**Selain itu, sebanyak 11 waran tangkap telah dikeluarkan oleh Mahkamah Tinggi Kangar, Perlis dan PDRM telah mengambil**

tindakan Notis Merah (*Red Notice*) melalui *National Central Bureau* (NCB) dan *International Criminal Police Organization* (ICPO-INTERPOL). Kerajaan Malaysia juga telah memohon kepada Kerajaan Thailand dan Kerajaan Bangladesh melalui Jabatan Peguam Negara untuk proses ekstradisi terhadap 10 orang suspek warganegara Thailand dan seorang warganegara Bangladesh pada bulan Ogos 2016 yang dikenalpasti terlibat dalam kes penyeludupan migran di Wang Kelian, Perlis.

Sebanyak 106 kertas laporan mengenai mati mengejut atau *Sudden Death Report* (SDR) telah diserahkan kepada Timbalan Pendakwara Perlis pada 14 Oktober 2016 untuk arahan sama ada inkues perlu diadakan atau sebaliknya oleh Mahkamah Majistret Kangar.

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN BERTULIS : TUAN HAJI KHALID BIN  
DARIPADA ABDUL SAMAD [ SHAH ALAM ]**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

**Tuan Haji Khalid bin Abdul Samad [ Shah Alam ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan inisiatif-inisiatif yang telah dilaksanakan dalam memastikan sekolah-sekolah di Malaysia dilindungi daripada fahaman ekstremisme dan keganasan Islam.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan dua (2) strategi dalam membendung ideologi yang terpesong seperti kumpulan ajaran sesat, kumpulan militan ketenteraan dan pengganas serta politik ekstrem yang boleh menular di institus pendidikan negara ini, iaitu :

1. Strategi Penerangan dan Pencegahan

Kempen kesedaran khususnya mengenai kesesatan dan penyelewengan ajaran berkenaan telah dilakukan seperti berikut:

- a. Menubuhkan Jawatankuasa Khas Menangani Isu Salafi Wahabi dan *Islamic State* (IS) yang diketuai oleh Bahagian Pendidikan Islam untuk menyemak semula buku teks Pendidikan Islam dan Tasawur Islam serta buku bacaan tambahan bagi memastikan tiada sebarang unsur ideologi yang terpesong.
- b. Siri ceramah khas dan *slot in* khas dalam program-program KPM telah dilakukan di seluruh negara sama ada di peringkat sekolah, Pejabat Pendidikan Daerah, Jabatan Pendidikan Negeri sehinggalah ke peringkat Kementerian. Begitu juga di institusi pengajian tinggi di seluruh negara. Terdapat juga beberapa negeri yang mengadakan program berkenaan secara kerjasama dengan Jabatan Agama Negeri masing-masing.
- c. Risalah, poster dan buku-buku yang berkaitan juga telah diedar kepada murid sekolah melalui kerjasama Jabatan Agama Negeri/ Wilayah Persekutuan dan Jabatan Kemajuan Agama Islam Malaysia.
- d. Kurikulum baharu yang digubal iaitu Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) telah dimasukkan juga elemen pengukuhan kefahaman Ahli Sunnah Wal Jamaah bermazhab Shafie.

## 2. Strategi Pemulihan

- a. Sebarang aduan mengenai guru atau murid yang dikatakan terpengaruh dengan fahaman ini telah disiasat. Mana-mana individu yang didapati terpengaruh dengan dakyah Syiah atau kumpulan ajaran sesat tersebut telah diadakan sesi pemulihan iaitu perbincangan dan muzakarah ilmiah untuk membetulkan kefahaman tersebut.
- b. Laporan ke Unit Penguatkuasa di Jabatan Agama Negeri yang terlibat juga telah dibuat dan beberapa tindakan telah dilakukan untuk menangani individu terbabit.